

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT DAN
HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN
PENTAKSIRAN GURU SEJARAH : KESEDIAAN
GURU SEBAGAI MODERATOR**

THAMOTHIRAN A/L KAVERI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT DAN
HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN
PENTAKSIRAN GURU SEJARAH : KESEDIAAN
GURU SEBAGAI MODERATOR**

oleh

THAMOTHIRAN A/L KAVERI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2023

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Zamri Khairani atas segala nasihat dan dorongan yang telah diberikan sehingga terhasilnya tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Dr. Nordin Abd Razak kerana bimbingan dan sokongan beliau membantu saya menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya kepada Dekan, semua pensyarah dan staf-staf di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang telah memberi sokongan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan dan juga terima kasih ditujukan kepada Dr Malar A/P Muthiah dari IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Dr Sulaiman dari Kolej Polytech-Mara, Pn Wee Suan Suan dan Pn Maznah Che Mat pensyarah Kolej Vokasional Sungai Petani 2 serta semua guru yang terlibat dalam kajian ini. Sokongan dan dorongan anda amat saya hargai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri saya Sarasvathy dan anak-anak saya Dhanan, Yughendran dan Rishikeshan yang merupakan sumber inspirasi dan kekuatan untuk saya meneruskan penyelidikan ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

THAMOTHIRAN A/L KAVERI

MEI 2023

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	7
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian.....	13
1.6 Kepentingan Kajian.....	13
1.6.1 Guru	14
1.6.2 Panitia mata pelajaran.....	14
1.6.3 Sekolah.....	15
1.6.4 Kementerian Pelajaran Malaysia/ LPM/ JPN/ PPD	15
1.6.5 Sumbangan kepada pengembangan teori	16
1.7 Limitasi Kajian	17
1.7.1 Pemilihan sekolah	17
1.7.2 Pemilihan responden	18
1.7.3 Kejujuran responden.....	18
1.7.4 Limitasi faktor kajian	19

1.8	Definisi Operasional	19
1.8.1	Pentaksiran	19
1.8.2	Amalan Pentaksiran Guru (APG)	20
1.8.3	Sikap	20
1.8.4	Norma subjektif.....	21
1.8.5	Persepsi kawalan tingkah laku	21
1.8.6	Niat.....	22
1.8.7	Kesediaan guru.....	23
1.8.7(a)	Pengetahuan guru terhadap pentaksiran	23
1.8.7(b)	Kemahiran guru melaksanakan pentaksiran.....	24
1.9	Ketua Panitia	24
1.10	Rumusan	25
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR KAJIAN.....		26
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Konsep-konsep Pengujian, Pengukuran, Penilaian dan Pentaksiran	26
2.2.1	Konsep pengujian	26
2.2.2	Konsep pengukuran.....	28
2.2.3	Konsep penilaian	29
2.2.4	Konsep pentaksiran	30
2.3	Kepentingan dan Kesan Pentaksiran	33
2.4	Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah Rendah.....	38
2.5	Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah	41
2.6	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Menengah	45
2.6.1	Pentaksiran Pusat.....	46
2.6.2	Pentaksiran Sekolah	47
2.6.3	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	48
2.6.4	Pentaksiran Psikometri	48

2.7	Pelaksanaan PBS di Hong Kong	50
2.8	Pelaksanaan PBS di Caribbean.....	51
2.9	Pentaksiran Bilik Darjah	53
2.9.1	Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).....	55
2.10	Amalan Pentaksiran Guru.....	60
2.10.1	Amalan Pentaksiran di Malaysia	63
2.11	Kesediaan Guru Melaksanakan Pentaksiran.....	69
2.12	Teori yang Mendasari Kajian	71
2.12.1	Teori Tindakan Beralasan (<i>Theory of Reasoned Action, TRA</i>)	71
2.12.2	Teori Tingkah Laku Terancang (<i>Theory of Planned Behaviour, TPB</i>)	72
2.12.3	Rasional Pemilihan Teori Tingkah Laku Terancang	76
2.12.4	Rasional Pemilihan Moderator Kajian	78
2.13	Kerangka Konseptual Kajian	80
2.13.1	Sikap	81
2.13.2	Norma Subjektif	85
2.13.3	Persepsi Kawalan Tingkah Laku	87
2.13.4	Niat.....	90
2.13.5	Moderator Kajian - Kesediaan Guru	92
2.14	Rumusan	107
BAB 3 METODOLOGI.....		108
3.1	Pendahuluan	108
3.2	Reka bentuk Kajian	108
3.3	Populasi Kajian	109
3.4	Prosedur Pemilihan Sampel.....	111
3.5	Instrumen Kajian	117
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen.....	119
3.6.1	Kesahan Instrumen.....	120

3.6.1(a)	Kesahan Kandungan.....	121
3.6.1(b)	Kebolehpercayaan Instrumen.....	131
3.7	Prosedur Kajian Sebenar	133
3.8	Prosedur Analisis Data Kajian.....	133
3.8.1	Penilaian Model Pengukuran.....	135
3.8.1(a)	Ketekalan Dalaman.....	135
3.8.1(b)	Kebolehpercayaan Penunjuk.....	135
3.8.1(c)	Kesahan Menumpu	136
3.8.1(d)	Kesahan Diskriminan	136
3.8.2	Penilaian Model Berstruktur	138
3.8.2(a)	Faktor Inflasi Varians	139
3.8.2(b)	Koefisien Laluan.....	139
3.8.2(c)	Penentuan Koefisien.....	139
3.8.2(d)	Kesan Saiz.....	140
3.8.2(e)	Tahap Ramalan.....	140
3.9	Rumusan	141
BAB 4 DAPATANKAJIAN.....		142
4.1	Pengenalan	142
4.2	Ciri-ciri Demografi.....	142
4.3	Pemeriksaan Awal Data Kajian.....	145
4.3.1	Pembersihan Data Hilang (<i>Cleaning Missing Data</i>)	145
4.3.2	Data Pencil (<i>outliers</i>).....	149
4.3.3	Penilaian Normaliti.....	152
4.4	Tahap Sikap, Norma Subjektif, Persepsi Kawalan Tingkah Laku, Niat, Kediaan Guru dan Amalan Pentaksiran Guru	156
4.5	Analisis Partial Least Square-Structural Equation Modelling (PLS- SEM)	158
4.5.1	Penilaian Model Pengukuran.....	161

4.5.1(a)	Ketekalan Dalaman	161
4.5.1(b)	Kebolehpercayaan Penunjuk.....	165
4.5.1(c)	Kesahan Menumpu	166
4.5.1(d)	Kesahan Diskriminan	166
	4.5.1(d)(i) Fornell Larcker	167
	4.5.1(d)(ii) Muatan Silang (Cross Loading).....	167
	4.5.1(d)(iii) Heterotrait Monotrait (HTMT)	170
4.5.2	Penilaian Model Struktural.....	171
4.5.2(a)	Faktor Inflasi Varians (VIF).....	171
4.5.2(b)	Koefisien Laluan.....	172
4.5.2(c)	Penentuan Koefisien (Coefficient of Determination, R^2).....	174
4.5.2(d)	Kesan Saiz (<i>Size Effect, f^2</i>).....	174
4.5.2(e)	Tahap Ramalan (Q^2).....	175
4.6	Hubungan Moderator Kesiediaan Guru Antara Niat Dengan Amalan Pentaksiran Guru.....	176
4.7	Dapatan Hipotesis Kajian	179
4.8	Rumusan	180
BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN		182
5.1	Pengenalan	182
5.2	Ringkasan Kajian	182
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	184
5.3.1	Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap amalan pentaksiran guru-guruSejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?.....	185
5.3.2	Persoalan Kajian 2 : Adakah variabel-variabel sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan kesiediaan guru mempengaruhi niat terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah di negeri Pulau Pinang?	186
5.3.3	Persoalan kajian 3 : Adakah terdapat hubungan antara variabel-variabel persepsi kawalan tingkah laku, kesiediaan	

	guru dan niat dengan amalan pentaksiran guru- guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?.....	194
5.3.4	Persoalan kajian 4 : Adakah terdapat hubungan antara variabel kesediaan guru dengan dengan persepsi kawalan tingkah laku terhadap amalan pentaksiran guru- guru Sejarah sekolah menengah rendah Pulau Pinang?	199
5.3.5	Persoalan Kajian 5 : Adakah moderator kesediaan guru mempunyai hubungan antara niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.	200
5.4	Implikasi Kajian	204
5.4.1	Implikasi Teoritikal.....	204
5.4.2	Implikasi kepada Perkembangan ilmu.....	206
5.4.3	Implikasi kepada Amalan.....	207
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	208
5.6	Rumusan	211
	RUJUKAN	213
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Bilangan Sekolah Menengah Di Negeri Pulau Pinang 110
Jadual 3.2	Statistik Sekolah Menengah Mengikut Daerah Di Negeri Pulau Pinang 110
Jadual 3.3	Statistik Guru-guru Sejarah Mengikut Daerah dan Jantina..... 111
Jadual 3.4	Pengiraan Sampel Mengikut Daerah 114
Jadual 3.5	Komposisi Sampel Kajian Mengikut Daerah 115
Jadual 3.6	Struktur Soal-selidik 118
Jadual 3.7	Agihan Item Mengikut Bahagian dan Faktor..... 119
Jadual 3.8	Skor Menilai I-CVI..... 123
Jadual 3.9	Keputusan Nilai I-CVI Yang Tidak Diterima Bagi Setiap Item 124
Jadual 3.10	Keputusan Nilai I-CVI Bagi Setiap Item Yang Diterima..... 125
Jadual 3.11	Keputusan S-CVI..... 130
Jadual 3.12	Nilai Kebolehpercayaan..... 132
Jadual 3.13	Ringkasan Jenis Kesahan dan Panduan Menilai Model Pengukuran 137
Jadual 3.14	Ringkasan Jenis Kesahan Dan Panduan Menilai Model Berstruktur 141
Jadual 4.1	Taburan Analisis Demografi..... 144
Jadual 4.2	Keputusan Analisis Data Hilang 147
Jadual 4.3	Keputusan Analisis Z-score 150
Jadual 4.4	Keputusan Analisis Normaliti 154
Jadual 4.5	Keputusan Analisis Deskriptif (min dan sisihan piawai)..... 157
Jadual 4.6	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan 162
Jadual 4.7	Keputusan Analisis Fornell-Larcker 167
Jadual 4.8	Keputusan Analisis Muatan Silang..... 168

Jadual 4.9	Keputusan Analisis Heterotrait-Monotrait	171
Jadual 4.10	Keputusan Analisis VIF	172
Jadual 4.11	Keputusan Analisis Path Coefficient	173
Jadual 4.12	Keputusan Analisis R-square	174
Jadual 4.13	Keputusan Analisis F-Square.....	175
Jadual 4.14	Keputusan Analisis Q ²	176
Jadual 4.15	Keputusan Analisis Moderator.....	177
Jadual 4.16	Keputusan Hipotesis Kajian.....	179

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Carta Alir Pelaksanaan PBD (BPK, 2018)..... 56
Rajah 2.2	Teori Tindakan Beralasan (Theory of Reasoned Action, TRA) 72
Rajah 2.3	Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior, TPB) 73
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Kajian 80
Rajah 3.1	Carta Agihan Sampel Kajian Mengikut Daerah..... 116
Rajah 3.2	Prosedur Penilaian Model Berstruktur (Joseph H.Hair, 2014) 138
Rajah 4.1	Model Kajian 159
Rajah 4.2	Model Kajian dan Indikator Kajian 160
Rajah 4.3	Model Struktural 178

SENARAI SINGKATAN

APG	Amalan Pentaksiran Guru
AVE	Average Variance Extracted
HTMT	Heterotrait-Monotrait
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PLS	Partial Least Square
PP	Pentaksiran Pusat
PS	Pentaksiran Sekolah
TRA	Theory of Reasoned Action
TPB	Theory of Planned Behaviour
SEM	Structural Equation Modelling
SMR	Sekolah Menengah Rendah
VIF	Variance Inflation Factor

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Borang Penilaian Instrumen Kajian Pakar 1
Lampiran 2	Borang Penilaian Instrumen Kajian Pakar 2
Lampiran 3	Borang Penilaian Instrumen Kajian Pakar 3
Lampiran 4	Analisis I-CVI dan S-CVI
Lampiran 5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian
Lampiran 6	Instrumen Kajian

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT DAN HUBUNGANNYA DENGAN
AMALAN PENTAKSIRAN GURU SEJARAH : KESEDIAAN GURU
SEBAGAI MODERATOR**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini, khususnya meneroka sejauh mana pengaruh sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, niat dan kesediaan guru mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang. Kajian ini juga melihat keberkesanan moderator kajian iaitu kesediaan guru dalam mempengaruhi niat terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah. Metodologi yang digunakan adalah kajian berbentuk kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Item-item soalan diadaptasi daripada pelbagai sumber rujukan. Teori Tingkah Laku Terancang digunakan sebagai landasanteori dalam kajian ini. Seramai 326 responden terlibat dalam kajian ini. Responden yang terlibat adalah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 dan PLS-SEM (*Partial Least Squares- Structural Equation Modeling*) versi 3.2.9 digunakan untuk mengukur model pengukuran dan model struktural. Analisis Smart PLS-SEM juga digunakan untuk meniai kesan moderator terhadap amalan pentaksiran guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa variabel-variabel sikap, norma subjektif, kesediaan guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat dalam mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru Sejarah manakala variabel kawalan tingkah laku tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat dalam mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru Sejarah. Variabel kesediaan guru pula

didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah manakala variabel niat pula mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kesediaan guru berperanan sebagai moderator antara niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.

**FACTORS INFLUENCING INTENTION AND ITS RELATIONSHIPS WITH
HISTORY TEACHER ASSESSMENT PRACTICES : TEACHERS'
READINESS AS A MODERATOR**

ABSTRACT

The purpose of this study, in particular, is to explore the influence of attitudes, subjective norms, perceived behavior control, intention and teacher readiness towards teacher's assessment practices among lower secondary school history teachers in the state of Penang. This study also looks at the effectiveness the moderator that is the teachers readiness in influencing the intention towards assessment practices of lower secondary school history teachers. The methodology used is a quantitative study. The research instrument used is in the form of a questionnaire. The question items were adapted from various reference sources where the Theory of Planned Behavior was used as a theoretical foundation in this study. A total of 326 respondents were involved in this study. The respondents involved are teachers who teach history subjects in lower secondary schools in the state of Penang. Data obtained in descriptive analysis (percentage, mean and standard deviation) using *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) version 22.0 and PLS-SEM (*Partial Least Squares-Structural Equation Modeling*) version 3.2.9 were used to measure the measurement model and structural model. Smart PLS-SEM analysis is also used to evaluate the effect of moderators on teacher assessment practices. Findings show that attitude variables, subjective norms, teacher readiness have a significant relationship to intention in influencing history teachers assessment practices while perceived behavior control variable has no significant relationship with intention in influencing the assessment practices of history teachers. The teacher readiness variable was found to have no

significant relationship with the assessment practice of history teachers while the variable of intention had a significant relationship with the assessment practice of history teachers. The findings of this study also show that the teacher readiness act as moderators between the intention and the teachers assessment practices of lower secondary school history teachers in the state of Penang.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkembangan pesat dalam bidang sains dan teknologi serta globalisasi telah membawa perubahan ketara dalam sistem pendidikan (Hinchliffe, 2006; Hoskin & Fredriksson, 2008; Powell & Snellman, 2004). Perkembangan dan perubahan ini adalah bertujuan memenuhi tuntutan gunatenaga pasaran semasa dalam menghadapi era globalisasi (OECD, 2007). Seajar dengan perkembangan semasa, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam usaha melahirkan gunatenaga pasaran yang berdaya saing serta melangkaui piawaian antarabangsa melalui pemantapan kualiti pendidikan negara bagi menghadapi cabaran globalisasi (Mazlini & Noorfazelawati, 2014). Bagi mencapai tujuan tersebut, satu transformasi pendidikan nasional telah didokumentasikan dan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) mulai 2013 hingga 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Salah satu tumpuan utama dalam transformasi pendidikan nasional yang dirangka adalah Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) (KPM, 2013) yang menggantikan sistem lama yang berbentuk penilaian dan peperiksaan kepada Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Perubahan ini adalah seiring dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dalam melahirkan potensi dan perkembangan insan secara menyeluruh dan seimbang merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi memenuhi tuntutan gunatenaga semasa yang berkualiti.

Pengenalan dan pelaksanaan sistem pentaksiran baru ini juga menjadi salah satu daripada matlamat Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam usaha mentransformasikan pendidikan negara melalui pembentukan sistem pentaksiran yang bersifat holistik dalam memantau perkembangan, penguasaan dan pencapaian murid-murid. Sistem pentaksiran baru ini merupakan sistem pentaksiran yang berasaskan sekolah yang dilaksanakan dalam usaha menjadikan sistem pendidikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Justeru, KPM telah memberikan tumpuan kepada pemantapan dan pelaksanaan PBS agar ia bersifat lebih holistik dan autentik (KPM, 2012). Peranan PBS amat penting kerana melaluinya guru-guru dapat melihat dan memantau prestasi murid-murid secara menyeluruh dan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dalam melahirkan dan membangunkan modal insan yang berupaya menghadapi cabaran globalisasi. Sehubungan itu, KPM telah memberikan tanggungjawab kepada pihak sekolah mengendalikan pentaksiran melalui agennya iaitu guru-guru secara terancang dan berterusan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing.

Walaupun KPM memberikan satu nafas baru dalam sistem pentaksiran tetapi keberhasilan akibat sesuatu perubahan tersebut amat bergantung kepada faktor guru. Ini kerana, guru-guru adalah agen yang diberikan tanggungjawab dan autonomi untuk melaksanakan pentaksiran di peringkat sekolah. Sesuatu perubahan yang diperkenalkan oleh KPM tidak akan berjaya sekiranya guru-guru tidak yakin tentang keperluan dan kesediaan untuk berubah (Norazilawati, 2012). Memandangkan pentaksiran merupakan aktiviti yang berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, maka ia menuntut tanggungjawab dan kesediaan guru-guru serta hala tuju yang jelas daripada guru-guru dalam usaha membina dan

memperkembangkan keupayaan murid-murid ke tahap maksimum bagi memenuhi pasaran gunatenaga dan mampu bersaing dalam menghadapi cabaran globalisasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Aktiviti pentaksiran adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam atau luar bilik darjah. Aktiviti pentaksiran ini penting dalam menentukan kemajuan, kualiti dan keberhasilan pendidikan (KPM, 2012; Hishammuddin, 2006; Black & William, 2009; McMillan, 2000) serta mendapat tumpuan dan kajian pakar-pakar dalam bidang pengukuran dan penilaian (Motovu & Madziah, 2014; Zhang & Burry-Stock, 2003; McMillan et al., 2002). Oleh itu, pentaksiran dapat dinyatakan sebagai satu proses mengukur dan seterusnya suatu penilaian secara sistematik yang merangkumi aktiviti-aktiviti mengumpul, menganalisis, merekod dan menterjemahkan tahap pencapaian para murid berdasarkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditentukan (Ghafar 2011) manakala Linn dan Miller (2005) telah memberikan takrifan bahawa aktiviti pentaksiran sebagai penggunaan pelbagai kaedah untuk memperoleh maklumat berkaitan pencapaian dan kemajuan murid-murid dalam proses pembelajaran melalui pelbagai aktiviti seperti pemerhatian, penilaian projek serta ujian kertas dan pensil.

Menurut Payne (2003), pentaksiran merupakan satu proses integrasi yang melibatkan pengumpulan dan menterjemah maklumat secara bermakna serta memberikan nilai kepada maklumat tersebut dan seterusnya satu justifikasi dibuat berasaskan kepada interpretasi yang telah dibuat ke atas maklumat tersebut. Dhindsa et al. (2007) pula, pentaksiran merupakan satu proses bagi mendapatkan data mengenai pencapaian para murid manakala *National Council of Teachers Mathematic* (NCTM, 1995) memberikan tafsiran bahawa pentaksiran melibatkan proses bagi memperoleh

bukti tentang pengetahuan dan kemahiran murid-murid serta kebolehan untuk menggunakan bukti tersebut untuk membuat inferen tentang kemajuan dan pencapaian murid-murid. Bukti ini akan digunakan untuk pelbagai tujuan yang merangkumi aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pelaporan kepada pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM, 2012) pula merumuskan bahawa aktiviti pentaksiran adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran merangkumi aktiviti- aktiviti mengumpul, merekod, menghurai dan memberi skor serta menginterpretasi maklumat yang diperoleh berkaitan penguasaan dan pencapaian pembelajaran murid-murid bagi tujuan tertentu. Bagi memastikan keadilan kepada semua murid, maka skor yang dilaporkan daripada maklumat pentaksiran perlulah sah dan boleh dipercayai. Skor yang sah, boleh dipercayai dan bersifat adil menunjukkan kemampuan dan kewibawaan sekolah sebagai institusi yang berupaya melaksanakan pentaksiran dengan telus dan berintegriti (LPM, 2012).

Pentaksiran juga bertujuan untuk pemberian gred bagi mengukur pencapaian murid-murid dalam sesuatu mata pelajaran (Airasian, 2001; Assessment Reform Group, 1999; Black & William, 1998), membekalkan maklumat berkaitan perkembangan murid-murid kepada pihak berkepentingan seperti KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru, ibu-bapa dan para murid itu sendiri (Ewell, 2009; Marsh, 2007). Maklumat pentaksiran juga membantu guru-guru dan membekalkan maklumat untuk menilai semula pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan berdasarkan objektif pembelajaran yang telah dirancang berpandukan kurikulum mata pelajaran yang diajar (Ainsworth & Veigut, 2006; Martell & Calderon, 2005; Popper, 2005). Berdasarkan maklumat yang diperoleh, guru-guru dapat membuat keputusan terhadap pembelajaran

murid-purid dan merancang pelajaran akan datang dengan lebih berkesan (Chappuis & Chappuis, 2008; Cizek, 2010). Oleh itu, pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru-guru mestilah berkualiti, memenuhi kriteria bagi menepati tujuan pentaksiran, merangsang serta berupaya untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, memiliki ketelusan, sah, boleh dipercayai, memperoleh keyakinan masyarakat serta menjimatkan kos pentadbiran dan pelaksanaannya (Adi Badiozaman Tuah, 2007).

Dalam konteks pentaksiran di Malaysia, pentaksiran merupakan proses bagi memperoleh maklumat secara menyeluruh berkaitan perkembangan individu. Misalnya, pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah bertujuan untuk memperoleh maklumat berkaitan penguasaan dan pencapaian murid-murid di dalam proses pembelajaran dan sahsiah melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh guru-guru secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di dalam atau di luar bilik darjah secara berterusan di samping membekalkan maklumat kepada guru-guru untuk merancang dan membaiki proses pengajaran bagi memastikan tidak berlaku keciciran murid-murid dalam pembelajaran (Mohd Isha, 2011). Pengamalan sistem pentaksiran ini turut membantu para guru untuk menilai semula proses pengajaran dan pembelajaran agar pendidikan berkualiti dapat disampaikan kepada para murid bagi membangunkan dan membentuk modal insan yang berpengetahuan, berinovasi dan mempunyai nilai moral. Oleh itu, amalan pentaksiran di Malaysia telah disesuaikan dengan konsep Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Kebangsaan iaitu pentaksiran seharusnya dapat mengukur, menggambarkan perkembangan dan pencapaian murid dalam semua aspek kognitif, afektif dan psikomotor (KPM, 2012). Justeru, pentaksiran boleh dirumuskan sebagai satu proses memperoleh maklumat dan menginterpretasikan maklumat yang diperoleh

berdasarkan data atau bukti tentang prestasi dan pencapaian murid-murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung sama ada di dalam atau luar bilik darjah. Hasil maklumat daripada proses pentaksiran ini akan membantu guru-guru melakukan penambahbaikan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dan aspek pentaksiran itu sendiri.

Di peringkat sekolah, guru-guru adalah individu yang bertanggungjawab dan diberikan autonomi dalam melaksanakan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran secara berterusan terhadap murid-murid. Pelaksanaan pentaksiran yang berkesan oleh guru-guru ini berperanan penting dalam usaha memperkaya pengalaman pembelajaran para murid bagi mencapai pendidikan berkualiti (Rohaya, 2009; Black & William, 1998), membantu para murid meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran, menyusun pengetahuan dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan mereka dalam proses pembelajaran. Maklum balas yang tepat dan berkesan dapat membantu meningkatkan pembelajaran para murid. Secara tidak langsung, amalan pentaksiran yang berterusan membekalkan maklumat penting kepada guru-guru bagi merancang, menyusun dan membaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya lebih berfokus dalam mencapai objektif yang telah ditentukan (Mohd Isha, 2011; McMillan, 2007; William, 2010; Ainsworth & Veigut, 2006; Gronlund, 2006; Akhbar Ibrahim & Siti Zaliha Reduan, 2002; Guskey, 2007).

Perbincangan sorotan kajian telah menjelaskan kepentingan pentaksiran dalam proses pendidikan. Kejayaan atau kegagalan sesuatu pentaksiran bergantung kepada kesanggupan guru melaksanakan amalan tersebut. Penyelidik mendapati bahawa kesanggupan guru-guru untuk melakukan atau tidak melaksanakan pentaksiran dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku (Aniza, 2014; Ziadat, 2014; Mishra, 2014; Noraini & Zamri, 2016; Mohammed

Fethi & Djaoud, 2017). Justeru, bagi memastikan kejayaan pentaksiran yang berkualiti, maka faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru perlulah dikaji dan ditangani sewajarnya agar guru-guru bersedia untuk melaksanakan pentaksiran dengan berkesan dan bermakna (Rohaya Talib & Mohd Najib, 2008). Ini kerana, maklumat tepat berkaitan prestasi murid-murid diperoleh daripada pentaksiran yang berkualiti yang diamalkan oleh guru-guru (Lembaga Peperiksaan, 2012).

1.3 Pernyataan Masalah

Guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pentaksiran. Pendidikan berkualiti adalah melalui proses pentaksiran berkualiti yang dijalankan oleh para guru (Rohaya, 2009; Black & William, 1998). Menurut Fakhri Abdul Khalil dan Mohd Isha Awang (2016), mekanisme amalan pentaksiran guru-guru yang berkesan perlu diberikan penekanan dan diterapkan secara bermakna dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, ketidaksediaan guru-guru merupakan antara isu utama dalam pelaksanaan pentaksiran di peringkat sekolah.

Ketidaksediaan ini disebabkan oleh kurang keyakinan guru-guru terhadap pelaksanaan pentaksiran. Guru-guru berasa tidak yakin terhadap amalan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan latihan, tidak didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran terhadap pentaksiran di sekolah (Fakhri & Mohd Isha, 2016). Justeru, kredibiliti guru-guru akan dipertikaikan sekiranya guru-guru melaksanakan pentaksiran tanpa adanya pengetahuan dan kemahiran pentaksiran (Mohd Safarin & Nur Hidayah, 2014).

Kajian LPM (2013) atas talian mengenai kesediaan guru melaksanakan pentaksiran mendapati bahawa guru-guru kurang kefahaman tentang pelaksanaan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini berlaku

disebabkan guru-guru kurang pengetahuan, kemahiran serta keyakinan dalam pelaksanaan pentaksiran di sekolah (KPM, 2007). Teo (2010) juga melaporkan pandangan yang sama apabila mendapati guru-guru kurang bersedia melaksanakan pentaksiran akibat kurang pengetahuan dan kemahiran dengan amalan pentaksiran. Pecheone dan Chung (2006) turut bersetuju bahawa guru-guru kurang bersedia untuk melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah kerana tidak mahir tentang amalan pentaksiran disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi. Ketidaksediaan guru-guru turut disokong oleh Veloo et al. (2016) dan Rohaya et al. (2014) bahawa masih terdapat guru-guru yang belum bersedia untuk melaksanakan pentaksiran disebabkan kekurangan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pentaksiran. LPM (2014) turut menegaskan bahawa guru-guru tidak bersedia kerana tidak mahir, kurang pengetahuan dan kemahiran bagi melaksanakan melaksanakan pentaksiran yang berkesan.

Guru-guru perlu mengutamakan kualiti pelaksanaan pentaksiran namun, ketidaksediaan guru-guru melaksanakan pentaksiran di sekolah menimbulkan pelbagai isu seperti kesahan, bolehpercayaan, praktikaliti dan bias (LPM, 2012; Yaakop, 2002; Raffan 2002). Misalnya, kesukaran guru-guru membina instrumen pentaksiran, kesesuaian instrumen dan cara pentadbiran bukan sahaja akan mempengaruhi kesahan dan bolehpercayaan instrumen pentaksiran yang digunakan malah turut mempengaruhi pencapaian murid-murid (Arsaythamby et al., 2015, Mohd Haidzir & Norasmah, 2019).

Berdasarkan tinjauan literatur, penyelidik mendapati bahawa kejayaan mengimplementasikan pentaksiran yang berkesan di sekolah bergantung kepada kesediaan guru-guru sebagai agen pelaksana di peringkat sekolah. Namun, guru-guru tidak bersedia untuk melaksanakan pentaksiran di sekolah kerana kekurangan pengetahuan dan kemahiran terhadap pentaksiran yang menjejaskan sikap guru

terhadap pelaksanaan pentaksiran di peringkat sekolah (Yan, 2018; Heitink et al., 2016; Hondrich et al., 2016; Koloi-Keaikitse, 2016; Yan & Cheng, 2015). Sehubungan itu, faktor kesediaan guru amat penting dalam membolehkan guru-guru dapat melaksanakan pentaksiran secara berkesan di peringkat sekolah. Justeru, faktor kesediaan guru telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru di sekolah.

Penyelidik telah menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour, TPB*) sebagai landasan teori kajian ini. Bagi mengisi lompong kajian, faktor kesediaan guru telah dijadikan sebagai moderator kajian yang bertujuan bertujuan menentukan sama ada moderator kajian mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah. Penggunaan moderator dalam kajian bukanlah satu perkara yang baru dan telah digunakan dalam kajian TPB bagi meramalkan kekuatan peramal terhadap sesuatu tingkah laku yang diselidiki (Rohaida, 2017; Fakhri & Mohd Isha, 2016; French et al., 2005). Menurut French et al. (2005) pula, faktor-faktor lain boleh diintegrasikan ke dalam TPB bertujuan untuk melengkapkan dan membuat rasionalisasi yang lebih tepat bagi meramal sesuatu tingkah laku yang diselidiki (French et al., 2005). Justeru, faktor kesediaan guru sebagai moderator kajian amat bersesuaian dengan kajian ini.

Pemilihan TPB ini juga didorong oleh kekuatan teori ini dalam meramal sesuatu tindakan atau tingkah laku (Passow et al., 2006; Stone et al., 2007; Stone et al., 2010; Alleyne & Philip, 2011; Imran & Nordin, 2013). Menurut Ajzen (1991), niat untuk bertingkah laku seseorang individu dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Pada asasnya, TPB telah digunakan dalam kebanyakan kajian yang bertujuan memahami hubungan antara sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dengan niat untuk bertingkah laku

dalam pelbagai persekitaran. Misalnya, kajian untuk mengenal pasti motif, sikap dan latihan perguruan mempengaruhi niat terhadap profesionalisme keguruan dalam kalangan pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi awam (Mohd Yusof et al., 2012), kepatuhan pembayaran zakat (Adibah, 2016), faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran pensyarah di institusi pengajian tinggi di Vietnam (Nguyen, 2018), hubungan antara sikap dan niat terhadap amalan pentaksiran formatif guru-guru sekolah rendah (Yan & Cheng, 2015), mengkaji niat dan tingkah laku persekitaran di tempat kerja (Greavers et al., 2013) dan banyak lagi (William et al., 2004; Ingram et al., 2000; Yan & Sin, 2013). Umumnya, individu yang mempunyai sikap yang baik, norma subjektif yang positif dan persepsi kawalan tingkah laku yang tinggi mempunyai kecenderungan mempengaruhi niat untuk bertingkah laku atau sebaliknya (Yan, 2014).

Berasaskan kepada TPB dan moderator kajian maka faktor-faktor yang mempengaruhi niat guru-guru melaksanakan pentaksiran di peringkat sekolah menengah rendah perlu diselidiki. Fokus utama kajian dibataskan kepada mata pelajaran Sejarah kerana tanggapan murid-murid bahawa mata pelajaran Sejarah adalah kurang penting dan membosankan (Soranam, 2011). Rasa bosan, jemu dan tidak minat Sejarah berpunca daripada kaedah pengajaran guru-guru Sejarah yang bertujuan menghabiskan sukatan pelajaran dan berorientasikan peperiksaan (Hazri, 2003). Memandangkan mata pelajaran Sejarah dinaik taraf menjadi mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula dari tahun 2013, maka penyelidik mendapati perlunya satu kajian komprehensif dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah.

Sorotan kajian lepas oleh penyelidik mendapati bahawa banyak kajian tempatan dalam bidang pentaksiran dijuruskan kepada amalan pentaksiran guru-guru di sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang memberi tumpuan kepada aspek yang melibatkan kaedah atau teknik pentaksiran (Mazlini et al., 2014; Suah et al., 2012; Azhar & Shahrir, 2007). Penyelidik mendapati tidak ada kajian yang pernah dijalankan berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi niat dan hubungan dengan amalan pentaksiran guru-guru khususnya guru-guru Sejarah. Malah, penyelidik juga mendapati bahawa tidak ada kajian yang dilaksanakan untuk melihat hubungan antara moderator kesediaan guru dan niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah dengan menggunakan TPB. Oleh itu, dapatan dan saranan penyelidik terdahulu supaya faktor-faktor yang mempengaruhi niat dan hubungan dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah perlu dikaji dalam usaha memantapkan kualiti pentaksiran di sekolah (Yusni, 2013; Abdul Zubir, 2007; Mohamad Azhar, 2006).

Bagi tujuan kajian semasa, penyelidik akan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat dan hubungan dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah di sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang yang diperkenalkan oleh Azjen (1991). Bagi mengisi jurang penyelidikan, penyelidik akan menggunakan moderator kesediaan guru sebagai satu konstruk baru untuk melihat hubungan antara niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini pada dasarnya bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat dan hubungan dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang berlandaskan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991). Berdasarkan kepada tujuan kajian ini, maka objektif kajian adalah seperti berikut :

- i) Menentukan tahap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.
- ii) Mengkaji kesan antara faktor-faktor sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dan kesediaan guru dengan niat terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang
- iii) Mengkaji kesan antara kawalan tingkah laku, niat dan kesediaan guru dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.
- iv) Mengkaji kesan antara kesediaan guru dengan kawalan tingkah laku terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.
- v) Menyelidik kesan moderator kesediaan guru antara niat dan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada tujuan dan objektif kajian, maka sebanyak lima persoalan kajian telah dibina iaitu :

- i) Apakah tahap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?
- ii) Adakah sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan kesediaan guru mempengaruhi niat terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?
- iii) Adakah terdapat hubungan antara kawalan tingkah laku, kesediaan guru dan niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?
- iv) Adakah terdapat hubungan antara kesediaan guru dengan dengan kawalan tingkah laku terhadap amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?
- v) Adakah moderator kesediaan guru mempunyai hubungan antara niat dengan amalan pentaksiran guru-guru Sejarah sekolah menengah rendah di negeri Pulau Pinang?

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharap dapat membekalkan pengetahuan baru yang bermanfaat kepada semua pihak khususnya kepada institusi yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan kualiti amalan pentaksiran guru-guru di sekolah.

1.6.1 Guru

Guru adalah perantara dalam bidang pendidikan dan bertanggungjawab menyampaikan ilmu kepada murid-murid (Sanitah & Norsiwati, 2012) agar murid-murid dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di sekolah dan menggunakannya secara bermanfaat di persekitaran dan menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar ini. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menyumbang maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi niat guru-guru melaksanakan pentaksiran. Seterusnya, kajian ini diharap dapat membekalkan pengetahuan kepada guru-guru Sejarah khususnya bagi proses penambahbaikan terhadap amalan dan kualiti pentaksiran yang sedia ada melalui kreativiti serta membuat inovasi dalam kaedah pentaksiran dalam memantapkan lagi kualiti pengajaran guru-guru dan meningkatkan penguasaan dan pencapaian pembelajaran murid-murid. Kajian ini turut memberi informasi dan kesedaran kepada guru-guru tentang kepentingan amalan pentaksiran guru yang berkesan dalam mengukur penguasaan dan pencapaian sebenar para murid.

1.6.2 Panitia mata pelajaran

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan di peringkat sekolah dan boleh digunakan oleh panitia mata pelajaran Sejarah untuk memastikan kekurangan guru dalam aspek pentaksiran seperti pengetahuan dan kemahiran berkaitan pentaksiran dapat ditingkatkan dan seterusnya mendorong sikap positif guru-guru kepada mekanisme pentaksiran yang berkualiti melalui mempelbagaikan kaedah pentaksiran di peringkat sekolah. Bagi tujuan tersebut, pihak panitia mata pelajaran dapat merangka program-program yang dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam memantap dan melaksanakan proses pentaksiran mata pelajaran Sejarah dengan lebih berkesan.

1.6.3 Sekolah

Guru merupakan agen pelaksana pentaksiran di sekolah. Oleh itu, kajian ini mampu menyumbang pengetahuan kepada pihak sekolah dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru khususnya dalam konteks mata pelajaran Sejarah agar pihak sekolah dapat melakukan penambahbaikan dalam kualiti pentaksiran secara menyeluruh. Dapatan kajian ini juga membantu dan membuka ruang kepada keperluan program-program perkembangan staf khususnya bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran. Pihak sekolah juga boleh menganjurkan kursus-kursus dalaman, bengkel dan ceramah motivasi yang dapat memperkaya ilmu serta meningkatkan motivasi guru dalam membentuk amalan pentaksiran yang positif di peringkat sekolah.

1.6.4 Kementerian Pelajaran Malaysia/ LPM/ JPN/ PPD

Hasil kajian ini dapat membekalkan maklumat kepada pihak yang berkepentingan seperti PPD, JPN, LPM, dan KPM khususnya berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru pada peringkat sekolah. Justeru, langkah-langkah yang berkesan seperti kursus-kursus, latihan dalam perkhidmatan (LDP), seminar atau bengkel berkaitan dengan pentaksiran dilaksanakan secara berterusan supaya guru-guru dapat melakukan penambahbaikan ke arah amalan pentaksiran berkualiti di peringkat sekolah agar proses pentaksiran yang didasari oleh KPM dapat berjalan dengan lebih berkesan.

KPM, LPM, JPN dan PPD perlu mengambil tindakan melalui pemantauan secara berterusan untuk memastikan guru-guru memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pentaksiran melalui pelbagai program dan latihan perkembangan profesionalisme. Segala bentuk program dan latihan perkembangan

profesionalisme perlu dirancang sebaik mungkin dan memastikan penglibatan semua guru agar hasilnya mampu memantapkan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru agar pentaksiran yang berkualiti dapat dilaksanakan, sah dan boleh dipercayai. Pihak- pihak KPM, LPM dan JPN perlulah memastikan tidak berlaku kecairan maklumat dalam perancangan program dan latihan yang boleh membataskan aktiviti pentaksiran di peringkat sekolah.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi tujuan menambahbaik pelbagai program, latihan, seminar, bengkel atau kursus yang bakal dianjurkan supaya lebih berkesan. Pelbagai kursus perkembangan profesionalisme yang dirancang dan dilaksanakan oleh KPM, LPM, JPN dan PPD diharap dapat membantu guru-guru ke arah perancangan dan pelaksanaan pentaksiran yang lebih berkualiti, berkesan dan bermakna serta mampu memberi panduan dan maklumat yang tepat berkaitan penguasaan dan pencapaian para murid. Selain itu, kajian ini mungkin dapat menyalur sumbangan idea ke arah usaha KPM untuk melaksanakan kursus-kursus pentaksiran kepada semua bakal guru sama ada di institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta dan di institut-institut pendidikan guru di Malaysia.

1.6.5 Sumbangan kepada pengembangan teori

Kajian ini juga turut menyumbang kepada pengembangan teori yang sedia dengan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kecenderungan niat untuk bertingkah laku. Kajian oleh penyelidik-penyelidik terdahulu telah membuktikan bahawa kemasukan konstruk baru dalam TPB dapat menguatkan lagi peramal dalam meramal tingkah laku yang diselidiki (Alleyne & Philips, 2011; Hsiao & Yang, 2011; Imran & Nordin, 2013; Passow et al., 2006). Berdasarkan dapatan dan saranan penyelidik terdahulu, penyelidik telah memasukkan konstruk baru iaitu

kesediaan guru sebagai moderator kajian mampu menjadi pemangkin dan menyumbang dalam meramal tingkah laku amalan pentaksiran guru-guru Sejarah di sekolah menengah rendah. Kajian ini juga diharap dapat menambah serta mengembangkan maklumat, rujukan dan percambahan ilmu mengenai kajian berkaitan amalan pentaksiran guru-guru khususnya dalam kajian-kajian tempatan.

1.7 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Antaranya ialah :-

1.7.1 Pemilihan sekolah

Terdapat beberapa kategori sekolah menengah di negeri Pulau Pinang iaitu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SMBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Khas (SMKhas), Sekolah Menengah Swasta, Sekolah Menengah Teknik (SMT), dan Kolej Vokasional (KV). Walaupun terdapat pelbagai kategori sekolah menengah namun, kajian ini hanya akan melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja. SMK ini merupakan sekolah menengah harian biasa dan mendapat bantuan penuh kerajaan. Tumpuan kajian dihadkan kepada SMK sahaja kerana terdapat kekangan tertentu di sekolah menengah jenis lain. Misalnya, SMT dan KV menggunakan sukatan pelajaran yang berbeza dan tidak mempunyai pendidikan pada peringkat sekolah menengah rendah. Selain itu, prosedur mendapatkan kebenaran juga adalah rumit dan memerlukan persetujuan daripada Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV). Sementara itu, keterbatasan penyelidik dalam mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian di SMBP, SMKA dan SM Swasta. Tambahan pula, bilangan SMBP, SMKA, SM Khas dan SM Swasta adalah tidak banyak di negeri

Pulau Pinang. Berdasarkan kepada kekangan yang ada maka, penyelidik memberikan tumpuan kajian kepada sekolah-sekolah menengah harian bantuan kerajaan di negeri Pulau Pinang sahaja.

1.7.2 Pemilihan responden

Pemilihan responden dibuat dalam kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah menengah rendah sahaja kerana pelaksanaan pentaksiran yang didasari oleh PBS terbatas sehingga ke Tingkatan Tiga sahaja ketika kajian ini dilaksanakan. Tambahan lagi, hampir kesemua guru yang mengajar Sejarah di peringkat sekolah menengah rendah turut mengajar di peringkat sekolah menengah atas iaitu Tingkatan Empat dan Lima. Data yang diperoleh tidak mewakili populasi guru-guru sekolah menengah di negeri Pulau Pinang kerana kajian ini tidak melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran lain dan terbatas kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah sahaja. Memandangkan kajian ini tidak melibatkan keseluruhan guru-guru di negeri Pulau Pinang, maka dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada semua guru sama ada di negeri Pulau Pinang mahupun di peringkat kebangsaan.

1.7.3 Kejujuran responden

Segala maklumat dan data kajian yang diperoleh adalah bergantung sepenuhnya kepada maklum balas melalui instrumen kajian berbentuk soal selidik. Sehubungan itu, dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada kesungguhan dan kejujuran responden menjawab item-item di dalam instrumen soal selidik.

1.7.4 Limitasi faktor kajian

Oleh kerana kajian ini berasaskan kepada TPB sebagai landasan teori kajian, maka pemboleh ubah kajian ini terdiri dari sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku, kesediaan guru, niat dan amalan pentaksiran guru.

1.8 Definisi Operasional

Berikut adalah beberapa definisi, istilah atau frasa penting yang digunakan dalam kajian ini.

1.8.1 Pentaksiran

Mokthar (2009) mentakrifkan pentaksiran sebagai suatu proses mendapatkan maklumat dan menggunakannya untuk membuat justifikasi berkaitan murid, kurikulum, program dan dasar sesuatu pendidikan. Linn dan Miller (2005) merujuk pentaksiran sebagai penggunaan pelbagai prosedur seperti pemerhatian, penilaian berasaskan projek, ujian kertas dan pensil bagi memperoleh maklumat mengenai kemajuan pembelajaran murid-murid. Sementara itu, Airasian (2004) menyatakan bahawa pentaksiran merupakan satu proses pengumpulan, sintesis dan interpretasi maklumat yang bertujuan membantu guru-guru dalam membuat justifikasi tentang pembelajaran murid-murid (Airasian, 2004). Pentaksiran yang berkualiti dan berkesan dapat memberi input dan membantu para guru mengetahui tahap penguasaan dan pencapaian pembelajaran murid-murid di samping keberkesanan pengajaran guru-guru dan seterusnya membantu guru-guru melakukan penambahbaikan jika perlu.

1.8.2 Amalan Pentaksiran Guru (APG)

Amalan membawa pengertian sesuatu atau perkara yang sering dilakukan atau dikerjakan sebagai kebiasaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014) manakala amalan pentaksiran pula merujuk kepada perkara yang biasa dan sering dilakukan serta dijadikan rutin oleh guru-guru bagi melaksanakan, mengumpulkan, merekod dan menterjemahkan maklumat untuk mengetahui kemampuan, penguasaan dan pencapaian pembelajaran murid-murid (Mohamad Azhar, 2006). Bagi tujuan kajian ini, amalan pentaksiran guru meliputi perkara yang menjadi kebiasaan atau kelaziman dan sering dilakukan oleh guru-guru atau rutin guru-guru dalam melaksanakan pentaksiran.

1.8.3 Sikap

Dalam Teori Tingkah laku Terancang, konstruk sikap merupakan konstruk utama Ajzen (2005). Menurut Ajzen (2005), TPB bertujuan melihat pengaruh sikap terhadap niat dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Dalam TPB, sikap dapat diterjemahkan sebagai satu bentuk penilaian seseorang sama ada baik atau sebaliknya terhadap keinginan bertingkah laku (Ajzen, 1991). Penilaian atau pandangan yang baik akan menggalakkan seseorang itu mempunyai keinginan untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku dan sebaliknya jika penilaian atau pandangan seseorang itu buruk maka ia akan mengurangkan niat seseorang itu terhadap sesuatu tingkah laku. Sementara itu, Aiken (2000) dan Asmawati (2009) pula mendefinisikan sikap sebagai tindak balas perasaan positif atau negatif terhadap sesuatu objek, keadaan, institusi atau individu yang mendorong seseorang ke arah sesuatu tingkah laku. Sikap juga dirujuk sebagai proses mental yang bersifat fikiran atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu yang mendorong kecenderungan seseorang individu untuk bertingkah

laku (Ismail, 2012; Ilhaamie & Wan Suryati, 2008) manakala Buareh dan Hussin (2014) menyatakan sikap adalah sesuatu yang mengarah kepada terhasilnya sesuatu perlakuan.

Berdasarkan kepada pandangan penyelidik lepas, maka sikap boleh diterjemahkan sebagai sebagai suatu tindak balas yang melibatkan perasaan suka atau tidak dan dizahirkan melalui perubahan tingkah laku. Sementara itu, sikap dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan guru-guru Sejarah sama ada suka atau tidak yang dizahirkan melalui perlakuan ke atas niat untuk melaksanakan pentaksiran di peringkat sekolah menengah rendah.

1.8.4 Norma subjektif

Ajzen dan Fishbein (1975) mentafsirkan norma subjektif sebagai persepsi seseorang individu terhadap individu lain sama ada pelaku patut atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Norma subjektif ini berkait dengan tindakan individu yang berdasarkan desakan sosial. Misalnya, apabila seseorang individu merasakan sesuatu tingkah laku perlu dilakukan dan orang persekitaran berpendapat bahawa individu berkenaan perlu melakukannya, maka individu berkenaan akan melakukan tingkah laku tersebut dan sebaliknya. Berdasarkan konteks kajian, norma subjektif merujuk kepada desakan pengaruh luaran seperti sokongan rakan sejawat, pemantauan oleh pihak pengurusan sekolah dan sokongan ibu bapa yang mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah.

1.8.5 Persepsi kawalan tingkah laku

Menurut Ajzen (1991), persepsi kawalan tingkah laku merupakan persepsi seseorang individu terhadap kekangan dalaman dan luaran terhadap sesuatu tindakan

atau perlakuan (Ajzen, 1991). Kawalan dalaman seseorang individu merangkumi kemahiran, potensi, maklumat atau sumber dan emosi seperti tekanan dan sebagainya manakala faktor kawalan luaran adalah daripada persekitaran. Persepsi kawalan tingkah laku ini akan berhubungan dengan sesuatu tingkah laku apabila wujudnya penerimaan di antara persepsi kawalan (*perceived control*) dan kawalan sebenar individu ke atas tingkah laku tersebut. Misalnya, apabila individu menilai sesuatu secara positif dan percaya bahawa orang-orang penting di sekelilingnya berfikir bahawa dia perlu melaksanakan tindakan tersebut serta mempunyai peluang dan sumber (keupayaan luaran) serta kebolehan (keupayaan dalaman) dan berniat untuk melaksanakan tindakan tertentu, maka ia selalunya berjaya dilaksanakan dan juga sebaliknya. Dalam konteks kajian, persepsi kawalan tingkah laku dipengaruhi oleh keupayaan dalaman guru dan juga keupayaan luaran yang mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah.

1.8.6 Niat

Ajzen (1991) mendefinisikan niat sebagai keinginan atau kecenderungan seseorang individu untuk melakukan sesuatu tindakan atau tingkah laku manakala Fayolle dan Linan (2014) pula menyatakan bahawa niat adalah elemen dalam diri individu yang mendorong dan memotivasikan keinginan untuk melakukan sesuatu tingkah laku tertentu. Kreuger et al. (2000) menyatakan bahawa niat yang konsisten dan kuat dapat meramalkan perilaku individu. Melalui sorotan kajian, penyelidik merumuskan bahawa niat merupakan kecenderungan yang mendorong seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah.

1.8.7 Kesiediaan guru

Kamus Dewan (2014) mendefinisikan kesediaan membawa maksud perihai sedia, kesanggupan, kerelaan manakala Siti Nurliyana (2015) pula berpendapat bahawa kesediaan merujuk kepada integrasi aspek fizikal, mental dan emosi seseorang guru untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Kesediaan juga dapat didefinisikan sebagai kesanggupan dan kerelaan seseorang untuk melakukan sesuatu tingkah laku (Mohd Hamzah & Attan, 2007; Puteh & Abd Salam, 2011). Wearmouth et al. (2000) pula merujuk kesediaan guru sebagai kesanggupan seorang guru melaksanakan tanggungjawab mengajar, merancang serta mentaksir murid-murid. Dalam kajian semasa, penyelidik akan melihat hubungan kesediaan guru sebagai konstruk baru dengan niat, persepsi kawalan tingkah laku, amalan pentaksiran guru-guru Sejarah dan hubungan moderator kesediaan guru mempengaruhi niat guru-guru Sejarah melaksanakan pentaksiran di sekolah menengah rendah.

1.8.7(a) Pengetahuan guru terhadap pentaksiran

Pengetahuan merupakan proses yang dinamik dalam menetapkan sesuatu kepercayaan diri ke arah kebenaran (Nonaka & Toyama, 2015), manakala mengikut takrifan Kamus Dewan (2014), pengetahuan merujuk kepada sesuatu bidang ilmu yang diteroka, diketahui dan dimiliki bagi membentuk sikap dan tingkah laku seseorang individu. Sementara itu, *Standard Professional and National Council for Accreditation of Teacher Education* (2008) mendefinisikan pengetahuan sebagai penguasaan atau kepakaran yang dimiliki oleh seseorang guru dalam sesuatu bidang. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan guru merujuk kepada penguasaan dan kepakaran ilmu guru tentang pelaksanaan pentaksiran yang merangkumi segala aktiviti bermula penetapan tujuan ujian, merancang ujian, membina instrumen ujian,

mentadbir ujian, memberikan skor ujian, menganalisis ujian dan memberikan maklum balas ujian yang bermakna kepada pihak-pihak berkepentingan bagi membuat keputusan berkaitan pembelajaran murid. Pengetahuan ini adalah penting kerana ia dapat mempengaruhi niat guru untuk bertingkah laku untuk melaksanakan pentaksiran di sekolah.

1.8.7(b) Kemahiran guru melaksanakan pentaksiran

Kemahiran didefinisikan sebagai kemampuan atau kewibawaan seseorang individu untuk mencapai dengan jayanya sesuatu apabila memiliki pengetahuan khusus, kebolehan atau kecekapan (Kamus Dewan, 2014) manakala Schermerhorn et al. (2005) berpendapat bahawa kemahiran merupakan kebolehan atau tindakan yang memaparkan kecekapan seseorang. Kemahiran guru mentaksir dilihat dari perspektif kecekapan guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan pentaksiran yang bersesuaian untuk mentaksir para murid dengan berkesan (Salmiah et al., 2011; Zamri & Nor Razah, 2011; Tan, 2010; Mohd. Johdi, 2007; Lowery, 2003; Henry, 2002). Dalam konteks kajian ini, kemahiran guru melaksanakan pentaksiran merujuk kepada kepakaran guru menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam mentaksir murid-murid dengan berkesan dan bermakna sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sama di dalam atau luar bilik darjah.

1.9 Ketua Panitia

Ketua Panitia adalah individu yang dipilih untuk mengetuai Panitia mata pelajaran di sekolah. Menurut Jemaah Nazir (2019), Ketua Panitia dilantik berdasarkan kekananan oleh Pengetua secara rasmi untuk memimpin guru mata pelajaran bawah tanggungjawabnya. Tugas dan tanggungjawab Ketua Panitia disenaraikan dalam Buku